

PM minta DBKL tinjau pusat niaga uzur di Jalan Masjid India

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta Kementerian Wilayah Persekutuan menerusi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meninjau kawasan perniagaan yang usang, uzur dan memerlukan penambahbaikan di Jalan Masjid India.

Menurut Perdana Menteri, kawasan menempatkan deretan kedai dan gerai, termasuk yang telah bertapak sekian lama, adalah kawasan tarikan utama pelancong di ibu kota yang perlu

diambil perhatian.

“Ada kedai yang rosak, ada yang teruk. Saya minta DBKL, Kementerian Wilayah Persekutuan lihat dan segerakan (baik pulih), ini kawasan tumpuan ramai.

“Ini boleh dilakukan dan diselesaikan menggunakan kaedah *fast track* bagi memberi ke-selesaian kepada pengunjung dan pada masa yang sama, membantu peniaga dan penjaja kecil memajukan perniagaan mereka,” katanya selepas meninjau

sekitar Jalan Masjid India, semalam.

Anwar yang sebelum itu menyertai kira-kira 5,000 jemaah menunaikan solat Jumaat di Masjid India, pernah menegaskan pada Disember 2022 bahawa tanggungjawab beliau sebagai Perdana Menteri adalah memberi keutamaan kepada soal kehidupan dan kebajikan rakyat, bukan memikirkan pembinaan bangunan mega yang gah sebagai legasi.

Sehubungan itu, beliau me-

ngarahkan tindakan diambil bagi membantu rakyat, terutama di bandar besar yang ramai masih hidup dalam keadaan daif, selain nasib peniaga kecil serta penjaja, namun segala perancangan bagi mencapai tujuan berkenaan mesti mematuhi prinsip tatakelola.

“Jangan (sebagai Perdana Menteri) mula nak fikir gedung tinggi sahaja. Mai (datang) PM ini, saya fikir gerai dan saya mulakan dengan gerai penjaja dan peniaga kecil mesti bersih

dan cantik seluruhnya,” katanya ketika itu selepas kira-kira sebulan dilantik memimpin negara.

Bagi Kuala Lumpur, Anwar dipetik berkata, soal gerai penjaja dan peniaga kecil antara yang dibangkitkannya dalam pertemuan dengan pengurusan DBKL dan menegaskan, beliau menekankan isu itu kerana tidak ingin pihak berkuasa tempatan hanya memikirkan pembangunan gedung pencakar langit.